

Headline	Cabaran lengkap ciptaan terbaik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	41	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,669
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,007



Cabaran lengkap ciptaan terbaik

Serdang: "Masalah komunikasi dalam kumpulan adalah cabaran bagi melengkapkan ciptaan kami kerana masing-masing ada idea tersendiri dalam memastikan kereta ciptaan kami berfungsi," kata peserta Pertandingan Chem-E-Car Malaysia 2014.

Pelajar tahun tiga, Fakulti Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Khairul Anuar Samsudin berkata, dia bersama tiga rakan menjalankan pelbagai eksperimen untuk mendapatkan cara terbaik menggerakkan kereta bersaiz kecil menggunakan bahan campuran kimia. "Setakat ini kami sudah

pun mencipta empat kereta dan kereta yang dipertandingkan hari ini (semalam) adalah ciptaan kelima," katanya yang menyertai pertandingan buat kali kedua.

Pertandingan mencipta kereta yang boleh bergerak menggunakan bahan kimia itu disertai 49 kumpulan dari 20 universiti tempatan dan luar negara.

Pertandingan kali ke-9 itu dianjurkan Institut Jurutera Malaysia (IEM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) dipilih sebagai tuan rumah.

Sementara itu, seorang lagi peserta dari Universiti Malaysia Pahang (UMP) Siti Shahriah Ghazali berkata,

pertandingan itu memerlukan kumpulannya berfikir secara pantas untuk menyelesaikan masalah yang timbul kerana perlu menepati masa ditetapkan pihak juri.

"Hanya lima minit ditetapkan juri untuk kami bersedia di landasan 17 meter dan dua minit untuk kereta bergerak merentasi halangan," katanya.


Ketua pertandingan Dr Razif Harun dari Jabatan Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar IEM berkata, sambutan yang diterima amat menggalakkan.

"Kelainan pertandingan pada kali ini adalah halangan berkarpet selain mengekal-

kan syarat kereta itu harus bergerak menggunakan bahan kimia dalam jarak yang ditetapkan sambil membawa isi padu air," katanya.

Pertandingan dirasmikan Setiausaha Kanan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Mohd Rosli Abdullah yang mewakili Timbalan Menteri Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Turut hadir, Dekan Fakulti Kejuruteraan UPM Profesor Madya Dr Mohd Azmi Datuk Yahya, Pengerusi Penganjur Prof Dr Thomas Choong Shean Yaw dan wakil dari universiti yang menyertai pertandingan.



DR Razif

Headline	Cabaran lengkap ciptaan terbaik		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	11 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	407,786
Page No	41	Readership	3,351,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,669
Frequency	Daily	PR Value	RM 32,007



ANTARA gelagat peserta pada pertandingan **Malaysia Chem-E-Car 2014**.